New experience with **Suara Sarawal**



# Eksport sektor kayu negara meningkat

| June 2, 2021



**KUALA LUMPUR:** Jumlah eksport sektor berasaskan kayu meningkat 9.9 peratus kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lalu meskipun negara masih berdepan dengan krisis pandemik, kata Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhtar Suhaili, berkata tiga pasaran utama negara ke benua Eropah, Amerika dan Oceania menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan.

Beliau berkata, pasaran eksport ke Eropah mencatat pemulihan yang memberangsangkan dengan jumlah eksport ke pasaran ketiga terbesar itu meningkat 9.9 peratus kepada RM561.2 juta.

Suara
Like

Berita Terkini



Enam kluster baharu, lima kluster tamat hari ini

"Ini antaranya berikutan peningkatan permintaan produk dan perabot kayu DIY daripada golongan yang bekerja dari rumah dan pembelian yang lebih daripada kebiasaan disebabkan kebimbangan pengimport akan kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

"Tiga produk utama ke pasaran terbabit adalah perabot kayu bernilai RM242.9 juta, produk kayu tanggam (RM96.5 juta) dan kayu gergaji (RM73.9 juta)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Muhtar berkata, eksport ke benua Amerika, pasaran terbesar negara melonjak 46.9 peratus kepada RM2.44 bilion.

Beliau berkata, Amerika Syarikat (AS) adalah penyumbang utama di pasaran itu dengan pembelian lebih daripada 60 peratus daripada eksport perabot kayu negara dan meningkat 47.1 peratus kepada RM1.93 bilion.

"Pertumbuhan positif ini adalah disebabkan pakej rangsangan ekonomi di negara berkenaan bagi mengurangkan beban individu dan perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta pergeseran perdagangan antara AS dengan China yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan kepada negara-negara ASEAN termasuk Malaysia," katanya.

Beliau menambah, eksport ke pasaran Oceania seperti Australia dan New Zealand turut merekodkan peningkatan 19.0 peratus kepada RM297.7 juta.

-BERNAMA

**Tweet Terkini**

Apr 1st, 2021

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin Covid-19 di Stadium Perpaduan, Petr Jaya hari ini diiringi ...

Jan 15th, 2021

#Kuching | Mana agi enti Sarawak enda nurutka surat gerah Opis Menteri Pelajar Malaysia (KPM) muka sekula kena 20 Januari tu.
...

Jan 15th, 2021

#Kuching | Sebanyak 46 buah kenderaan diarahkan berpatah balik selepas gagal menunjukkan sebarang permit sah rentas daerah ketika melalui Sekatan
...